

Tekanan dihadapi pelajar sarjana

Sudah dua tahun saya bergelar pelajar ijazah sarjana di Universiti Putra Malaysia. Pelbagai cabaran sudah saya lalui dan banyak aduan saya terima mengenai kesukaran yang dihadapi pelajar ijazah sarjana berasaskan kajian dan ijazah doktor falsafah.

Saya adalah bekas wakil pelajar pada 2011 bagi kerusi Sekolah Pengajian Siswazah. Saya menerima aduan daripada pelbagai pihak mengenai kesukaran pelajar terutama mereka yang berada pada peringkat ijazah sarjana (berasaskan kajian) serta ijazah doktor falsafah.

Apa yang ingin saya tekan-

kan, tempoh pengajian untuk pelajar ijazah sarjana selama dua tahun adalah terlalu singkat dan begitu menekan bagi pelajar sarjana secara kajian. Isu yang ingin saya utarakan ialah tempoh yang terlalu singkat ini akan menyebabkan pelbagai perkara berbangkit seperti berikut:

1) Kewangan: Pelajar memerlukan banyak wang untuk kajian seperti pembelian barangan kimia dan perbelanjaan untuk tugas di luar kawasan. Nilai biasiswa diberi pula tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian. Ada pelajar yang damatkan pengajian hanya kerana subjek peperiksaan yang

diambil tidak melepasi syarat kredit. Masalah kewangan akan bertambah genting apabila pelajar terpaksa melanjutkan pengajian daripada dua tahun kepada tiga tahun.

2) Viva: Masalah viva ataupun pembentangan projek akhir perlu diberi perhatian serius. Ada pelajar terpaksa menunggu beberapa bulan sebelum pembentangan akhir. Justeru, perlu ada kaedah terbaik untuk pelajar membentangkan projek akhir mereka secara sempurna dan cepat.

3) Jurnal: Saya mendapati kesukaran pelajar untuk menghantar jurnal untuk diterbitkan yang menjadi syarat wajib untuk lulus. Agensi atau

penerbitan jurnal khusus perlu diwujudkan untuk pelajar sarjana.

4) Supervisor: Supervisor berperanan penting dalam menentukan masa depan anak didik mereka supaya dapat lulus cemerlang. Saya pernah diberitakan ada anak-anak didik tidak dilepaskan walaupun sudah tujuh tahun menjalankan kajian. Ini kerana mereka dibelenggu masalah penulisan tesis yang rumit dan supervisor terlalu kritikal melepaskan mereka.

5) Geran Penyelidikan dan fasiliti : Saya berharap supaya geran penyelidikan pelajar ditingkatkan bagi memastikan kelancaran mereka menjalankan projek masing-masing.

Putra Hassan

Fakulti Sains UPM